


Bukan Melayu kurang mohon kerja kerajaan

BH - 12/12/2006

Dasar SPA bukan punca wujud jurang kaum perkhidmatan awam



Laporan Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Kekurangan minat di kalangan kaum Cina dan India menyertai perkhidmatan awam menjadi punca wujud jurang perbezaan yang ketara dalam jumlah mereka dengan orang Melayu dalam sektor berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata statistik Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sepanjang Januari hingga November lalu menunjukkan daripada 486,802 pemohon jawatan ke sektor awam, hanya 1.78 peratus membabitkan kaum Cina.

Beliau berkata, jumlah pemohon daripada kaum India juga masih rendah iaitu hanya 2.56 peratus dan kaum lain, 13.02 peratus manakala 82.65 peratus lagi membabitkan orang Melayu.

“Peratusan permohonan yang tinggi adalah faktor utama menyebabkan sektor perkhidmatan awam dianggotai ramai Melayu tetapi dari segi peratus lantikan berbanding jumlah permohonan, bukan Melayu mencatat angka sangat tinggi.

“Dalam melaksanakan urusan pengambilan, SPA tidak pernah menggunakan faktor kaum dalam proses penapisan permohonan untuk dipanggil temu duga,” katanya menjawab soalan Datuk Lim Bee Kau (BN-Padang Serai) pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

Lim bertanya langkah yang diambil kerajaan untuk menambah bi-

FAKTA NOMBOR

Pemohon kerja

486,802

Jumlah keseluruhan

82.65%

Pemohon Melayu

13.02%

Kaum lain selain Cina dan India

langan kakitangan bukan Melayu bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang lebih seimbang dan mencerminkan masyarakat berbilang kaum.

Nazri berkata, pemilihan seseorang calon untuk berkhidmat dalam sektor awam ketika temu duga sorta kesesuaian calon bagi sesuatu jawatan dilaksanakan secara telus dan saksama.

Katanya, antara langkah yang diambil untuk menambah bilangan kakitangan bukan Melayu dalam perkhidmatan awam ialah menyiarkan iklan dalam akhbar berbahasa Cina dan Tamil, termasuk akhbar di Sabah dan Sarawak.

SPA juga mengadakan hari bersama pelanggan pada setiap Isnin minggu keempat di Putrajaya dan mengaturkan majlis seumpama itu di luar ibu pejabat termasuk di pedalaman Sabah dan Sarawak.